



MIRZA ADLI RAIH KEJAYAAN DI FILIPINA

FILIPINA | 28 Oktober - 5 November 2024 | Atlet kayak, Saudara Mirza Adli bin Shaharaziz berjaya (PPD) mencipta kejayaan luar biasa dalam Kejohanan 2024 ICF Dragon Boat World Championships yang berlangsung di Puerto Princess, Palawan, Filipina. Beliau berjaya membawa pulang 1 pingat perak dalam acara 200m Men Open dan 1 pingat gangsa dalam acara 2000m Men Open, satu pencapaian yang amat membanggakan.

Kejohanan peringkat dunia ini menyaksikan penyertaan atlet-atlet dari seluruh pelusuk dunia, dan kejayaan Saudara Mirza membuktikan bahawa bakat dan semangat atlet muda UTHM mampu bersaing di peringkat tertinggi. Selain kecemerlangan di lapangan sukan, beliau juga telah mempamerkan sikap dedikasi dan komitmen yang tinggi, menjadikan beliau contoh teladan kepada rakan-rakan atlet lain.

Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti, bersama-sama seluruh warga UTHM, amat berbangga dengan pencapaian beliau. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin semangat untuk terus mencipta kejayaan lebih besar pada masa akan datang.

3 ATLET STAF UTHM KE KEJOHANAN OLAHRAGA MAKSAK MALAYSIA

UTHM | 5 November 2024 | Tahniah diucapkan kepada tiga atlet olahraga staf UTHM atas kejayaan terpilih mewakili pasukan MAKSAK Johor ke Kejohanan Olahraga MAKSAK Malaysia yang berlangsung dari 7 hingga 10 November 2024 di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim!

- Ts. Dr. Mahyuzie bin Jenal - FKEE
- Pn. Noradzuana binti Samiran - UAD
- Pn. Ismahani binti Shamsudin - PTM

Selamat maju jaya diucapkan kepada ketiga-tiga atlet, dan semoga beraksi cemerlang dalam setiap acara yang disertai. Teruskan mengharumkan nama UTHM dan Johor



KEJOHANAN OLAHRAGA MAKSAK MALAYSIA

UPSI | 7 - 10 November 2024 | Tahniah diucapkan kepada Ts. Dr. Mahyuzie bin Jenal (FKEE), atlet Olahraga staf UTHM, di atas kejayaan cemerlang meraih 1 pingat emas dalam acara Lontar Peluru Junior Veteran dan 1 pingat perak dalam acara Lempar Cakera Junior Veteran di Kejohanan Olahraga MAKSAK Malaysia.

Kejayaan ini membuktikan dedikasi dan semangat tinggi yang ditunjukkan oleh beliau dalam bidang sukan. Diharapkan kejayaan ini akan terus menjadi inspirasi kepada warga UTHM dan atlet-atlet lain untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan.



KADARAM KABADDI CHAMPIONSHIP 2024

UUM | 10 November 2024 | Pasukan Kabaddi UTHM telah meraih kejayaan cemerlang dalam Kadaram Kabaddi Championship 2024 yang berlangsung pada 10 November 2024 di Universiti Utara Malaysia (UUM). Pasukan Kabaddi Lelaki UTHM berjaya muncul sebagai Johan, menambah koleksi kejuaraan mereka kali ke-13 dalam Kejohanan Kabaddi Intervasiti. Pasukan Kabaddi Wanita UTHM pula mencatatkan pencapaian membanggakan dengan menduduki tempat ketiga.

Selain daripada kejayaan pasukan, dua atlet UTHM turut diiktiraf atas prestasi luar biasa mereka. Muralitaran A/L Suresh (FKAAB) dipilih sebagai Best Defender, manakala Navin A/L Kannan (FKMP) meraih dua penghargaan, iaitu Bonus King dan Best Player. Kejayaan ini bukan sahaja menonjolkan kecemerlangan pasukan, tetapi juga membuktikan potensi besar atlet UTHM dalam sukan Kabaddi



VARSITY TRACK & FIELD 2024 GRAND FINAL

UniSZA | 7 - 10 November 2024 | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Olahraga Pelajar UTHM di atas kejayaan cemerlang meraih 3 pingat emas, 6 pingat perak, dan 5 pingat gangsa dalam acara-acara yang dipertandingkan di Varsity Track & Field 2024 Grand Final. Kejayaan ini membuktikan dedikasi dan semangat tinggi yang ditunjukkan oleh pasukan olahraga dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi ini. Diharapkan kejayaan ini akan terus menjadi inspirasi kepada warga UTHM dan atlet-atlet lain untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan. Berikut adalah keputusan penuh pasukan olahraga UTHM dalam kejohanan tersebut:

3 EMAS

- Rejam Lembing Lelaki Platinum: Scanly Wong Tze Hau – FKEE
- 1500m Lelaki Platinum: Danial Farhan Bin Kenalan – PPD
- 400m Wanita Platinum: Cecilia Tan Wen Li – FPTP

6 PERAK

- Decathlon Diamond: Muhammad Aniq Aqil Bin Md Ramli – FPTV
- Lompat Jauh Lelaki Platinum: Muhammad Aniq Aqil Bin Md Ramli – FPTV
- Lompat Bergalah Lelaki Diamond: Muhammad Zuhairi Bin Zainurin – FPTV
- 100m Lari Berpagar Diamond: Vianeybanu Junin – FPTP
- 200m Lelaki Platinum: Asyraf Bin Norisham – FTK
- 1500m Lelaki Platinum: Luqman Bin Noor Azam – FKEE

5 GANGSA

- Decathlon Diamond: Mohd Juzaidi Bin Kamaruddin – FPTP
- Rejam Lembing Wanita Diamond: Nurizzati Binti Alias – FPTP
- Decathlon Diamond: Muhammad Zuhairi Bin Zainurin – FPTV
- 3000m Berhalangan Lelaki Diamond: Luqman Bin Noor Azam – FKEE
- 200m Wanita Platinum: Cecilia Tan Wen Li – FPTP

Manakala, Muhammad Aniq Aqil Md Ramli telah tersenarai dalam senarai panjang pemilihan atlet ke 2025 FISU Summer World University Games di Germany.

Syabas diucapkan kepada semua atlet yang bertanding atas usaha dan pencapaian yang membanggakan ini!



SUKAN ANTARA FAKULTI 2024

UTHM | 15-16 November 2024 | Sukan Antara Fakulti (SAF) 2024 telah berlangsung dengan meriah, menyaksikan persaingan sengit antara fakulti-fakulti dalam pelbagai acara sukan. Acara yang berlangsung selama dua hari ini bukan sahaja menggalakkan semangat kesukanan, tetapi juga mempererat hubungan antara pelajar dan kakitangan fakulti.

Tahun ini, Pusat Pengajian Diploma (PPD) muncul sebagai juara keseluruhan dengan pencapaian luar biasa, membawa pulang 6 pingat emas, 4 pingat perak, dan 3 pingat gangsa. Kejayaan ini adalah hasil daripada komitmen tinggi serta semangat berpasukan yang dipamerkan oleh semua atlet dan penyokong fakulti tersebut.

Tahniah juga diucapkan kepada semua fakulti yang turut menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang kejohanan ini. Setiap fakulti telah memberikan saingan hebat, menjadikan SAF 2024 sebuah acara yang penuh dengan aksi dan detik-detik mengujakan.

Pihak penganjur SAF 2024 mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menjayakan program ini, termasuk atlet, jurulatih, sukarelawan, dan penyokong. Tanpa kerjasama dan sokongan semua pihak, kejohanan ini tidak mungkin mencapai kejayaan.

Semoga SAF 2024 menjadi inspirasi untuk terus mengangkat budaya sukan dalam kalangan pelajar dan kakitangan universiti. Tahniah kepada semua yang terlibat, dan kita nantikan kejohanan yang lebih gemilang pada masa akan datang!



KEJOHANAN SILAT TEMPUR ANTARABANGSA & TERBUKA MALAYSIA 2024

UiTM, PUNCAK ALAM | 14-17 November 2024 | Tahniah diucapkan kepada Muhammad Fadhilah Izhar Bin Tajudin dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) yang mewakili Kelab P.S.S.L.M Selangor atas pencapaian yang cemerlang di Kejohanan Silat Tempur Antarabangsa & Terbuka Malaysia 2024.

Bertempat di Dewan Berlian, UiTM Puncak Alam, kejohanan yang berlangsung dari 14 hingga 17 November 2024 ini menyaksikan kehebatan atlet-atlet silat bertaraf antarabangsa. Muhammad Fadhilah telah berjaya meraih pingat gangsa dalam kategori Kelas C Putera (55kg-60kg), satu pencapaian yang membanggakan! Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin semangat untuk terus maju dan mengharumkan nama negara di persada dunia. Syabas dan teruskan usaha!



D'PULZE NOVEMBER MASTER FIDE RATED OPEN CHESS

CYBERJAYA | 16 November 2024 | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Catur UTHM atas kejayaan cemerlang meraih 4 pingat keseluruhan dalam acara-acara yang dipertandingkan di Kejohanan D'Pulze November Master Fide Rated Open Chess bertempat di D'Puzle Shopping Centre. Diharapkan kejayaan ini akan terus menjadi inspirasi kepada warga UTHM dan atlet-atlet lain untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan. Berikut adalah keputusan penuh Pasukan Catur UTHM dalam kejohanan tersebut:

1 GANGSA

- Tempat ke-10 keseluruhan: Tan You Ming- FKEE

2 EMAS

- Wanita Terbaik : Jovita Tan Roel – FKAAB
- IPT Terbaik: Muhammad Aliff Zuhairi bin Ariffin-FKEE

1 PERAK

- IPT Terbaik: Mohd Hamizan bin Abdullah– FPTV

Syabas diucapkan kepada semua atlet yang bertanding atas usaha dan pencapaian yang membanggakan ini!



KEJOHANAN TAEKWONDO JEMPUTAN PULAU PINANG 2024

USM, PULAU PINANG | 22-25 November 2024 | Setinggi tinggi tahniah kepada atlet-atlet Taekwondo UTHM atas kejayaan luar biasa di Kejohanan Taekwondo Jemputan Pulau Pinang 2024. Pasukan UTHM berjaya membawa pulang 10 pingat :

Pingat Emas: 4

Pingat Perak: 2

Pingat Gangsa: 4

Pencapaian Individu:

Kyorugi Individual (Open Age - Female)

- Kategori A: Nur Nadiyah binti Mazlan (FKEE) - Emas
- Kategori B: Shirra binti Sallehuddin (FPTP) - Perak
- Kategori C: Nurul Anis Sofea binti Amri (PPD) - Emas

Kyorugi Individual (Open Age - Male)

- Kategori A: Ahmad Maslan Sinto (FPTV) - Gangsa
- Kategori B:
 - o Ahmad Amir Asyraf bin Ahmad Makhdzani (FKMP) - Gangsa
 - o Affyzan bin Bernado (FAST) - Perak
 - o Lyeslee Dick Samuin (FKMP) - Gangsa
- Kategori C: Muhammad Nasruddin bin Azrin (PPD) - Emas
- Kategori D: Muhammad Amirul Shazwan bin Md Zamri (FKAAB) - Gangsa

Pencapaian Pasukan:

Team Kyorugi (Open Age - Male)

- Ahmad Maslan Sinto (FPTV)
- Ahmad Amir Asyraf bin Ahmad Makhdzani (FKMP)
- Muhammad Nasruddin bin Azrin (PPD)

Pingat Emas

Syabas kepada atlet, jurulatih, serta semua yang terlibat atas dedikasi dan komitmen yang tinggi. Anda semua adalah inspirasi dan kebanggaan buat UTHM!



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UTHM DAN MAXIS BROADBAND SDN. BHD.

KUALA LUMPUR | 26 November 2024 | Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTHM dan Maxis Broadband Sdn. Bhd. bertempat di Menara Maxis, Kuala Lumpur. Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) selaku wakil rasmi Naib Canselor UTHM hari ini telah menandatangani MoU bersama Maxis Broadband Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Encik Patrick Er @ Er Teck Khim, Ketua Sumber Manusia dan Transformasi. Majlis ini turut disaksikan oleh Encik Mazlan bin Mokhtar, Ketua Wilayah Selatan Maxis Broadband Sdn. Bhd. dan Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti UTHM. Turut hadir, delegasi industri dan pegawai-pegawai universiti.

MoU ini bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama antara UTHM dan Maxis Broadband Sdn. Bhd. dalam pelbagai bidang, termasuk pembangunan teknologi, penyelidikan, serta inisiatif yang melibatkan pelajar dan alumni universiti. Selain itu, MoU ini juga diharapkan dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak melalui peluang latihan industri, penyediaan perkhidmatan internet, dan program-program pembangunan kapasiti bagi para pelajar. Majlis ini merupakan langkah positif dalam memperluaskan kerjasama antara sektor pendidikan dan industri, bagi memastikan penghasilan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan bersedia untuk menghadapi cabaran dalam dunia digital.



CARNIVAL BAN CANAL 2024

SIMPANG LIMA, SELANGOR | 28 November – 1 Disember 2024 | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Kayak UTHM yang telah menunjukkan semangat juang yang tinggi dalam Carnival Ban Canal 2024. Kejayaan ini adalah hasil usaha gigih dan dedikasi para atlet kita. Berikut adalah pencapaian cemerlang yang telah diraih:

Acara: Marathon Women TK1

- Atlet: Alya Athirah binti Shaharaziz (FKAAB)
- Pingat: Perak

Acara: Marathon Women TK2

- Atlet: Nor Kiasah binti Zaenuddin (FPTV) & Nor Alya Nadhirah Binti Yusof (FKMP)
- Pingat: Perak
- UTHM/JOHOR

Acara:

- Marathon Men K1: Mirza Adli bin Shaharaziz (PPD)
- Pingat: Perak
- Marathon K4:
- Pingat: Gangsa
- Dragon Boat Mix:
- Pingat: Emas



KEJOHANAN KABADDI INTERVARSITI UTHM 'PORKKALAM 2.0' 2024

PAGOH | 30 November 2024 | Telah berlangsungnya Kejohanan Kabaddi Intervarsity UTHM 'PORKKALAM 2.0' 2024 yang bertempat di Dewan Serbaguna Hub Pendidikan Tinggi Pagoh. Acara ini menghimpunkan 16 pasukan lelaki dan 14 pasukan perempuan dari IPTA/IPTS seluruh Malaysia dengan penyertaan seramai 400 orang serta dibantu oleh 120 orang urusetia yang komited. Berikut adalah senarai pemenang bagi kejohanan tersebut :

Kategori Lelaki

- Juara: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Naib Juara: Universiti Malaya (UM)
- Ketiga: Universiti Sains Malaysia (USM)

Kategori Perempuan

- Juara: Universiti Utara Malaysia (UUM)
 - Naib Juara: Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
 - Ketiga: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Anugerah Individu Terbaik

Kategori Lelaki:

- Best Defender: Muralitaran A/L Suresh (FKAAB) (UTHM)
- Best Raider: Vijay (UM)
- Best Player: Navin A/L Kannan (FKMP) (UTHM)

Kategori Perempuan:

- Best Defender: Ai Ling (UUM)
- Best Raider: Sankari (UTM)
- Best Player: Vanitha (UUM)

Penutup kejohanan telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Afandi bin Ahmad, Provost UTHM - Kampus Cawangan Pagoh dan Encik Jasnizam bin Sami, Ketua Bahagian Pengurusan dan Pengelolaan Sukan, Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti. UTHM sekali lagi mencipta sejarah dengan kemenangan kali ke-14 dalam kejohanan Kabaddi antara IPTA/IPTS! Tahniat kepada pasukan UTHM yang terus mengharumkan nama universiti.



KEJOHANAN BOLA TAMPAR JEMPUTAN BATU PAHAT 2024

PIALA YB ONN ABU BAKAR

BATU PAHAT | 6-7 DISEMBER 2024 | Syabas dan tahniah kepada pasukan Bola Tampar UTHM atas pencapaian hebat dalam Kejohanan Bola Tampar Jemputan Batu Pahat 2024 Piala YB Onn Abu Bakar yang berlangsung pada 6-7 Disember 2024 di Sekolah Tinggi Cina, Batu Pahat.

Keputusan Perlawanan:
Kategori Lelaki
UTHM A - Naib Johan
UTHM B - Ketiga

Kategori Wanita
UTHM (Tempat Keempat)



KEM PRA MUSIM UTHM FC BERSAMA KL CITY

KUALA LUMPUR | 12 - 14 DISEMBER 2024 | Pasukan Bola Sepak Pelajar UTHM telah mengadakan Kem Pra Musim dan pengisian kem pra musim ini memfokuskan kepada pembentukan pasukan dari aspek penyesuaian fizikal, teknikal dan taktikal sebagai persiapan menghadapi Liga Bola Sepak IPT Divisyen 2 2025.

Seramai 25 pemain dan 5 jurulatih telah didedahkan dengan kaedah dan sistem latihan seperti diamalkan oleh pasukan profesional.

Kem pra musim ini dikendalikan oleh Coach Sulaiman Hussin selaku Pengarah Teknikal Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur dan dibantu jurulatih pembangunan Kuala Lumpur City (KL City) di venue latihan seperti gimnasium dan trek stadium Bola Sepak Kuala Lumpur dan padang latihan di Ulu Pudu Cheras



KEJOHANAN CATUR TERBUKA MASUM-ALUMNI UM

UM, KUALA LUMPUR | 14 DISEMBER 2024 | Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada atlet catur UTHM yang telah menunjukkan prestasi cemerlang pada Kejohanan Catur Terbuka MASUM-Alumni UM.

Mohamad Yusri bin Adjmain (FTK)
Ke-5 Terbaik IPT

Muhammad Aliff Zuhairi bin Ariffin (FKEE)
Ke-10 Terbaik IPT

Nur Syahzanani Fitri binti Mohd Sahran (FSKTM)
Ke-7 Terbaik Wanita



BENGKEL SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) 2025

MERSING | 19 - 21 DISEMBER 2024 | Bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2025 Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti telah berjaya dilaksanakan selama 3 hari di Hotel Seri Malaysia, Mersing. Bengkel ini menjadi platform penting untuk merancang strategi, memperkukuh kerjasama, dan menyelaraskan matlamat organisasi bagi tahun hadapan.

Semoga hasil perbincangan yang dicapai mampu memberi impak positif kepada kecemerlangan sukan dan kebudayaan universiti. Terima kasih kepada semua yang telah memberikan komitmen penuh sepanjang bengkel ini.



KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR INDOOR CHAMPIONSHIP 2024



SERDANG | 21-22 Disember 2024 | Kejohanan Memanah Selangor Indoor Championship 2024 telah berlangsung di MAEPS Serdang. Pasukan Memanah Pelajar UTHM yang diwakili oleh 8 orang atlet telah menunjukkan prestasi cemerlang dengan meraih pingat gangsa dalam acara Team Elimination Round (Compound Women).

Tahniah diucapkan kepada Saudari Nurhazwani Hadhirah binti Shamsul dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) atas kejayaan yang membanggakan ini. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi untuk terus melakar kecemerlangan dalam sukan memanah di masa akan datang.

VARSITY SEPAK TAKRAW LEAGUE GRAND FINAL 2024

PUTRAJAYA | 19-22 Disember 2024 | Pasukan Sepak Takraw UTHM telah menyertai Varsity Sepak Takraw League Grand Final 2024 yang bertempat di Kompleks Kejuruteraan Presint 11, Putrajaya. Berikut adalah keputusan penuh pasukan UTHM di kejohanan tersebut :

Acara Beregu Kategori Premier

Peringkat Kumpulan:

UTHM (A) vs UPM (A): Menang 2 - 0

UTHM (A) vs Politeknik (B): Tewas 1 - 2

UTHM (A) vs SSBJ: Tewas 0 - 2

UTHM (A) terkandas di peringkat kumpulan.

Acara Beregu Kategori Elit

Peringkat Kumpulan:

UTHM (B) vs USIM (B): Menang 2 - 0

UTHM (B) vs UTeM (B): Tewas 1 - 2

UTHM (B) vs UiTM (A): Tewas 1 - 2

UTHM (B) terkandas di peringkat kumpulan.

Tahniah kepada semua pemain atas semangat dan usaha yang telah ditunjukkan sepanjang kejohanan. Pengalaman ini akan menjadi asas yang kukuh untuk memperkukuhkan pasukan kita di masa hadapan.



FESKOM PENANG 2024

PULAU PINANG | 19-22 Disember 2024 | Pasukan Silat UTHM telah menyertai FESKOM PENANG 2024 yang bertempat di Dewan Tertutup Tapak Pesta Sg Nibong, Pulau Pinang. Pasukan UTHM berjaya menunjukkan prestasi yang cemerlang dengan meraih 1 Perak dan 5 Gangsa. Berikut adalah keputusan penuh pasukan UTHM di kejohanan tersebut :

Atlet & Pencapaian:

Perak

- Muhammad Fadhilah Izhar bin Tajudin
- Fakulti: FPTV
- Kategori: Putra B

Gangsa

- Muhammad Azrin Shah bin Mohammad Tarmizy
- Fakulti: FSKTM
- Kategori: Putra A
- Shahrizat bin Shahr
- Fakulti: FPTP
- Kategori: Putra C
- Nas Amirul Mustaqem bin Mohamad Nasime
- Fakulti: FPTV
- Kategori: Putra D
- Hazira Hani binti Hairulnizam
- Fakulti: FKMP
- Kategori: Putri D
- Nur Syazwina binti Abdul Rahman
- Fakulti: FKAAB
- Kategori: Solo Kreatif Putri



KURSUS KEJURULATIHAN WORLD ATHLETICS LEVEL 1

UTHM | 21-25 Disember 2024 | Seramai 10 orang atlet olahraga yang terdiri daripada staf dan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menyertai Kursus Kejurulatihan World Athletics Level 1 yang dianjurkan oleh UTHM menerusi Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) dengan kerjasama Persatuan Olahraga Johor.

Kursus ini bertujuan melahirkan jurulatih yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam bidang olahraga, selaras dengan standard antarabangsa yang ditetapkan oleh badan induk olahraga dunia, World Athletics.

Peserta kursus didedahkan dengan pelbagai modul teori dan praktikal yang komprehensif, meliputi aspek asas kejurulatihan, teknik olahraga, serta pengurusan atlet. Usaha ini membuktikan komitmen UTHM dalam membangunkan bakat sukan di peringkat universiti dan negeri.

Tahniah kepada semua peserta kursus atas dedikasi mereka! Semoga ilmu dan kemahiran yang diperoleh mampu menyumbang kepada pembangunan olahraga di UTHM dan Johor secara keseluruhannya.





Diterbitkan oleh :

BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK & KORPORAT
PUSAT SUKAN DAN KEBUDAYAAN UNIVERSITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537449

Fax: 07 - 4536581